

Bisnes

Selasa,

7 Jun 2022

bhbiz@nstp.com.my

→ Ikuti lebih berita di
www.bharian.com.my

Stesen tambahan ECRL pelengkap pengangkutan awam, logistik

Usaha jadi pemangkin tingkat ekonomi ke kawasan strategik

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Penambahan beberapa lagi stesen baharu di jajaran projek Landasan Rel Pantai Timur (ECRL) bakal melengkapkan lagi jaringan logistik dan pengangkutan awam, sekali gus boleh melonjakkan lagi impak ekonominya ke kawasan sekitar.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kerajaan tetap komited menambah beberapa stesen baharu supaya impak ekonomi dapat dikembangkan ke kawasan yang strategik.

"ECRL sebagai projek infrastruktur mega negara memang dikenal pasti beberapa tahun lalu sebagai pemangkin ekonomi negara dan pencetus perubahan yang mempunyai impak tinggi.


"Cadangan dan kelulusan stesen baharu juga pasti menyebabkan harga hartanah di kawasan sekitar mula meningkat dan ini memberikan berita gembira kepada peniaga serta rakyat di kawasan berkenaan.

"Ini juga akan menjadikan sistem pengangkutan dan logistik Malaysia lebih strategik, teratur, cekap dan menguntungkan negara dalam usaha menjadi peserta utama logistik di rantau ini," katanya kepada BH.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika berucap pada Majlis Kenduri Rakyat Kuala Selangor kelmarin mengemukakan kelulusan bagi pembinaan stesen jajaran utara ECRL di Puncak Alam.

Beberapa stesen tambahan dilapor turut dicadangkan sebelum ini termasuk di Kuantan Sentral, Pahang; Kerteh, Terengganu dan Kapar, Selangor.

Aimi Zulhazmi berkata, cadangan stesen baharu yang dikenal pasti masing-masing perlu mempunyai pelan mikro untuk memaksimumkan impak ECRL dengan menjadikan pengangkutan kargo sebagai keutamaan dan pengangkutan awam sebagai pendapatan tambahan.



Negara maju seperti Kesatuan Eropah (EU) dan China menitikberatkan pengangkutan logistik melalui jaringan rel



Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis ekonomi UniKL Business School

mega seperti ECRL memang mempunyai nilai komersial, terutama berkaitan dengan jambatan tanah yang menghubungkan Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang.

"Ia akan memendekkan masa perjalanan kapal dari Timur ke Barat kerana projek ini menjadi pemangkin pembangunan ekonomi, terutama di sepanjang jajaran ECRL. Namun, pelaksanaannya perlu berhati-hati segi pengurusan kos supaya ia sentiasa terkawal," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak baru-baru ini berkata, kerja pembinaan projek ECRL disasar mencapai kemajuan infrastruktur sebanyak 37 peratus bagi tahun ini membabitkan empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Rangkaian rel sepanjang 665 kilometer (km) yang merangkumi 59 terowong dengan panjang keseluruhan 61km serta beberapa jambatan dengan panjang keseluruhan 127km dianggar menelan belanja RM50.27 bilion dan dijangka siap Disember 2026.

Pembinaan membabitkan Jajaran Seksyen A dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu manakala Seksyen B dari Dungun ke Mentakab, Pahang dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang, Selangor.

Setakat April lalu, kerja pembinaan projek ECRL sudah mencah 28.5 peratus meliputi kerja cerucuk, tanah dan terowong.

Sebaik saja projek itu siap dan dijangka beroperasi pada Januari 2027, ia boleh menampung 5.6 juta penumpang setahun, dengan memuatkan 440 penumpang bagi satu perjalanan membabitkan enam gerabak.

"Negara maju seperti Kesatuan Eropah (EU) dan China menitikberatkan pengangkutan logistik melalui jaringan rel.

"Malah, India dan negara di Afrika seperti Afrika Selatan mempunyai industri rel jauh lebih maju dan dibangunkan sepenuhnya untuk menyokong rantaian nilai termasuk pembuatan alat ganti serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO)," katanya.

Naib Pengerusi Gerakan Keadilan Monetari Malaysia, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula berpendapat, cadangan untuk mewujudkan beberapa stesen baharu ECRL perlu mengambil kira keperluan dan

potensi permintaan dari kawasan sekeliling tapak stesen berkenaan. Justeru, katanya, kajian harus dilakukan sebelum keputusan membina stesen tambahan dibuat untuk memastikan ia tidak menjadi 'gajah putih'.

"Namun, jika terbukti potensi manfaatnya melebihi kos pembinaan, ia wajar dilaksanakan kerana kosnya lebih berkesan semasa ECRL masih lagi dalam proses pembinaan, berbanding apabila ia telah siap, kemudian stesen baharu dibina.

"Sistem rel yang lebih komprehensif penting untuk mengurangkan kebergantungan kepada pengangkutan berat di jalan raya kerana isu kesesakan trafik yang

makin meruncing boleh ditangani jika pengangkutan kargo diberi alternatif melalui sistem rel berbanding jalan raya," katanya.

Ahmed Razman berkata, kesesuaian menghubungkan ECRL dengan sistem pengangkutan awam atau stesen lain di Lembah Klang bergantung kepada dua jenis permintaan iaitu pergerakan kargo dan penumpang.

"Ini kerana, sesetengah stesen sesuai untuk menerima penumpang disebabkan trafik tinggi, manakala sesetengah stesen lain lebih sesuai untuk menerima kargo," katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzani-zam Abdul Rashid berkata, projek